



**PENGURUSAN KOIR DALAM PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN DI SEKOLAH MENENGAH : SATU
KAJIAN KES**

LAURA ANNIE LALITA RAJAMONEY

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**



**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**



ABSTRAK

Sebagaimana Pendidikan Muzik memainkan peranan penting di sekolah-sekolah di negara kita, pengajaran dan pembelajaran koir juga perlu diitik beratkan. Kajian ini yang merupakan satu kajian kes telah berupaya mencari strategi yang digunakan dalam 2 buah sekolah menengah dalam pengajaran dan pembelajaran koir, masalah-masalah yang dihadapi serta kriteria yang digunakan untuk menilai sesebuah koir yang berkualiti.

Kaedah pemerhatian, temubual serta senarai semak telah digunakan untuk melihat strategi yang digunakan oleh tiga orang guru muzik sekolah menengah dan seorang guru koir swasta. Kedua-dua guru sekolah menengah ini telah diperhatikan dari hari pertama latihan koir sehingga ke hari pertandingan koir daerah masing-masing. Keputusan juga telah diperoleh dari kedua-dua dapatan serta pertandingan.

Secara keseluruhan, strategi yang digunakan oleh Sekolah A terbukti lebih berkesan dari Sekolah B dari segi penguasaan suara dan kekerapan berlatih. Walaupun terdapat masalah-masalah yang dihadapi oleh keempat-empat orang guru muzik, namun ia bolehlah diselesaikan dengan bantuan pihak-pihak tertentu seperti sokongan dari ibu bapa dan sekolah. Kriteria yang ketara sekali yang digunakan untuk menilai sesebuah koir dirujuk kepada kualiti vokal sesebuah koir itu sendiri.

Kajian ini telah menunjukkan dengan jelasnya bahawa adalah penting untuk para guru menggunakan strategi yang berkesan apabila melatih sesebuah koir untuk menghasilkan sebuah koir yang berkualiti.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRACT

As the role of Music Education becomes more prominent in schools in the country, there is a growing interest in the teaching and learning of choir. This research is an attempt to investigate the strategies used for teaching and learning of choir in two secondary schools, problems faced by them and the criteria used to evaluate the quality of a choir.

Case study approach was used in this research. Observations, interviews and checklists were carried out to investigate the strategies used by three secondary music teachers and a private school choir teacher. These secondary school teachers were observed from their first day of training until their performance day during their respective district choir competitions. Results were obtained from these findings and competitions.

The findings of this study indicate that generally the strategies used by School A proved to be more effective as compared to School B through warm-ups and frequent practices. Although there were problems faced by all four teachers, they could overcome them with the assistance of certain parties, such as support from parents and schools. One of the most important criterions used to evaluate the quality of a choir appears to be the vocal quality of a particular choir.

This study has clearly shown that it is important for teachers to use effective strategies while training a choir to produce a quality-based choir.

KANDUNGAN

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 Muka surat
DEDIKASI				
				ii
PENGAKUAN				
				iii
PENGHARGAAN				
				iv
ABSTRAK				
				v
ABSTRACT				
				vi
 BAB 1 PENDAHULUAN				
1.1 Pengenalan				1
1.2 Latar Belakang Kajian				1
1.3 Pendidikan Muzik Di Sekolah-sekolah				4
1.4 Pernyataan Masalah				7
 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 Muka surat
1.5 Objektif Kajian				7
1.6 Persoalan Kajian				8
1.7 Limitasi Kajian				8
1.8 Definisi Istilah				9
1.8.1 Koir				10
1.8.2 Pembelajaran				10
1.8.3 Pengajaran				10
1.8.4 Kualiti Koir				10
1.9 Kesignifikanan Kajian				11
 BAB 2 TINJAUAN LITERATUR				
2.1 Pengenalan				12
2.2 Kajian Mengenai Nyanyian				12
2.3 Kajian Terhadap Teknik Pernafasan Vokal				14
 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 Muka surat
2.4 Kajian Terhadap Ketidaktepatan Nyanyian				15
2.4.1 Punca Berlakunya Ketidaktepatan Nyanyian				15

KANDUNGAN (samb.)

2.4.2	Kaedah Pemulihan (<i>Remedial Method</i>) untuk Ketidaktepatan Nyanyian	16
2.5	Memori Tonal	18
2.6	Kesimpulan	19
BAB 3 METODOLOGI		
3.1	Pengenalan	20
3.2	Kajian Kes	21
3.3	Instrumen	22
3.4	Sampel / Responden	23
3.5	Cadangan Analisis Data	24
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	25
4.2	Analisa Data	26
4.2.1	Soalan Kajian Satu	26
4.2.2	Soalan Kajian Dua	44
4.2.3	Soalan Kajian Tiga	55
BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		
5.1	Pengenalan	69
5.2	Rumusan	70
5.3	Cadangan	74
5.4	Implikasi	77

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

4.1 Respon Guru-guru Koir Sekolah Dan Swasta Dalam Temubual Soalan Kajian Satu	34
4.2 Panduan Pemerhatian	43
4.3 Keputusan Senarai Semak Guru-guru	58



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

BAB 1
Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran koir di sekolah bukanlah sesuatu yang baru diwujudkan.

Tidak boleh dinafikan bahawa perkara ini makin hari makin lebih diberi perhatian

oleh pendidik-pendidik muzik. Sesetengah sekolah mampu membiayai tenaga

pengajar dari luar (seperti sekolah-sekolah di bandar) walaupun ia menelan belanja

yang besar, hanya untuk memastikan bahawa pasukan koir sekolah itu menjuarai

pertandingan-pertandingan, baik peringkat daerah mahupun peringkat negeri. Apakah

yang dimiliki oleh pengajar-pengajar luar ini yang tidak ada pada pendidik-pendidik

muzik di sekolah? Kajian ini akan berupaya untuk menjawab soalan ini.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Melihat kepada matlamat program Pendidikan Muzik di kedua-dua peringkat

persekolahan, nyata sekali mata pelajaran ini adalah ke arah pendidikan estetik

(*aesthetic education*) yang tidak kurang pentingnya dalam perkembangan individu

yang seimbang. Hal ini perlu dipandang serius lebih-lebih lagi pada masa munculnya banyak informasi dan dapatan baru tentang perkembangan individu seperti pelbagai kecerdasan (*Multiple Intelligence*) dan kecerdasan emosi (*Emotional Intelligence*) yang mengambil kira unsur-unsur afektif dalam usaha mencapai kecemerlangan.

Dalam teori pelbagai kecerdasan (*Multiple Intelligence*) oleh Gardner (1983), muzik diperakukan sebagai satu kecerdasan di bawah klasifikasinya tersendiri. Gardner membahagikan pelbagai kecerdasan manusia kepada lapan kategori; iaitu kecerdasan verbal-linguistik (mendengar, bertutur, membaca, menulis, membuat *encoding* dan *decoding* bahasa), kecerdasan logik-matematik (menyelesaikan masalah, penaakulan, logik dan kemahiran nombor), kecerdasan visual spatial (berkaitan dengan arah, arkitek, penyusunan dan hiasan), kecerdasan muzikal (mengarang, menggayakan, menghayati dan mengenal muzik), kecerdasan interpersonal (empati, mudah memahami, menyelesaikan konflik, kemahiran mencari konsensus), kecerdasan intrapersonal (pengetahuan sendiri, konsep diri, penilaitan sendiri, emosi), kecerdasan kinestatik (menari, melompat, membuat pergerakan), dan kecerdasan naturalis (mengenal pasti, membuat kategori mengenai alam). Potensi individu dalam aspek ini telah pun dibuktikan melalui kajian saintifik dan maka itu terpulang kepada kita untuk mengeksploitasinya ke arah pembinaan insan yang seimbang dan berketrampilan.

Kajian mengenai kecerdasan memberi impak yang hebat dalam bidang pendidikan apabila Gardner (1983) memperkenalkan teori *Multiple Intelligence*. Gardner mendefinisikan kecerdasan sebagai "... ability to solve problems or fashion products that are of consequences in a particular cultural setting or community". Ini menunjukkan bahawa kesepaduan kecerdasan-kecerdasan amat penting dalam perkembangan pendidikan kanak-kanak.

Mengikut Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), pendidikan harus memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dari segi intelek, rohani dan jasmani. Penglibatan pelajar dalam kegiatan muzik akan memelihara aspek perasaan, kreativiti, nilai estetika, memperkembangkan kecerdasan mental, psikomotor dan nilai sosialisasi.

Bunyi tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan hanya dapat dilihat melalui persepsi minda. Seni muzik adalah unik kerana unsur yang menjadi bahan gubahan dan kreativiti adalah sesuatu yang abstrak.

Dalam bidang akademik, Malaysia sedang menuju ke arah menjadikan rantau ini *the centre for excellence in education* dan telah pun terdapat pelajar negara lain menuntut ilmu di institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini.

Ernest L. Boyer (1987) dalam bukunya *College* telah menyatakan,

"If the push for educational excellence is to yield results, the nation's colleges and universities must ask hard questions about the quality of their own work." (p. xi)

Dengan harapan yang besar, ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Mereka menganggap pendidikan sebagai satu penanaman modal yang akan dapat memperbaiki kedudukan sosio ekonomi mereka. Sesuatu masyarakat, terutama masyarakat membangun mempunyai harapan yang besar terhadap pendidikan bagi memberikan peluang kepada generasi muda untuk mendapatkan kedudukan sosio ekonomi yang lebih baik. Guru-guru muzik di sekolah dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan hakikat ini. Ini hanya boleh dibuat dengan penglibatan pelajar-pelajar sekolah dalam aktiviti-aktiviti yang berunsurkan muzik, seperti dalam pancaragam sekolah, orkestra sekolah, kumpulan muzik kamar (*chamber group*) sekolah dan tidak ketinggalan kumpulan koir sekolah yang akan diberi tumpuan dalam kajian ini.

1.3 PENDIDIKAN MUZIK DI SEKOLAH-SEKOLAH

Pendidikan Muzik KBSM adalah program pendedahan secara umum untuk pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Program pembelajaran muzik yang disediakan mempunyai ciri-ciri pembinaan insan dan perkembangan diri individu daripada segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Sebagai satu mata pelajaran, program yang disediakan mengambil kira ilmu pengetahuan, kemahiran dan penerapan nilai. (Kementerian Pendidikan Malaysia (2001) *Panduan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Muzik Sekolah Menengah (KBSM)*)

Di peringkat sekolah menengah, kurikulum Pendidikan Muzik yang disediakan merupakan program pembelajaran untuk lima tahun dari tingkatan satu hingga ke tingkatan lima. Kurikulum yang disediakan adalah berkonsepkan *general music program* dengan matlamat untuk dilaksanakan di semua sekolah menengah, sekurang-kurangnya di peringkat menengah rendah (tingkatan satu hingga tingkatan tiga).

Matlamat kurikulum ini adalah untuk melahirkan murid yang berilmu, berketrampilan dan berpengalaman muzik bagi membolehkannya mempunyai disiplin dalam mereka cipta, membuat persembahan dan menikmati muzik ke arah membantu pembentukan insan yang mempunyai emosi seimbang serta kreatif, inovatif dan inventif. Ini jelas kelihatan dalam penglibatan pelajar-pelajar dalam koir sekolah serta dalam pertandingan koir antara sekolah-sekolah peringkat negeri dan kebangsaan, sambutan Hari Kemerdekaan peringkat negeri dan kebangsaan dan sebagainya.

Kurikulum ini ditujukan kepada pelajar sekolah menengah yang mempunyai minat untuk mengetahui, memahami dan mendapatkan kemahiran dan pengalaman dalam seni muzik sama ada untuk meneroka dan memperkembangkan bakat sendiri atau sekadar berkebolehan menghayati seni muzik secara terdidik. (Kementerian

Pendidikan Malaysia (2001) *Panduan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Muzik Sekolah Menengah (KBSM)*)

Di peringkat menengah rendah, Pendidikan Muzik merupakan mata pelajaran wajib alternatif kepada Pendidikan Seni Visual. Pelajar yang mengikuti kelas Pendidikan Muzik tidak perlu mengikuti kelas Pendidikan Seni Visual. Tiada peperiksaan di peringkat Penilaian Menengah Rendah (P.M.R.). Di peringkat menengah atas pula, pendidikan muzik adalah mata pelajaran elektif dan pelajar mengambil peperiksaan muzik di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M.).

Koir tidak diterapkan dalam kurikulum sekolah, tetapi adalah salah satu komponen dalam Ko-Kurikulum sekolah. Biasanya latihan untuk mengajar sesuatu kumpulan itu dijalankan selepas waktu persekolahan dan bukan sewaktu pengajaran dan pembelajaran (P&P) sekolah dijalankan. Ada juga sekolah yang tidak menerapkan koir dalam ko-kurikulum sekolah.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, hampir setiap sekolah mempunyai koir sekolah yang tersendiri. Walaupun sesebuah sekolah itu tidak mempunyai Pendidikan Muzik dalam kurikulum sekolah, koir sekolah tetap wujud.

Pengkaji mendapati bahawa kebanyakan sekolah yang mewujudkan koir adalah hanya semata-mata untuk mengambil bahagian dalam pertandingan – baik peringkat daerah, negeri ataupun untuk peringkat kebangsaan. Didapati wujudnya persaingan yang hebat antara sekolah-sekolah yang bertanding. Persaingan-persaingan ini wujud kerana masing-masing ingin meningkatkan mutu ataupun kualiti persembahan.

Untuk mengendalikannya sesebuah koir sekolah itu bukanlah mudah. mengekalkan kualiti sesebuah koir itu merupakan satu cabaran yang besar, khasnya kepada pendidik-pendidik muzik. Latar belakang ahli-ahli koir juga merupakan satu faktor yang menyumbang kepada pengekalannya kualiti.

Mengikut Shirley W. McRae (1996: xii), beliau mencadangkan beberapa perkara yang dapat mengekalkan keberkesanan dalam sesuatu koir itu.

- Perubahan demografi, terutamanya dalam kawasan pekan, di mana ahli-ahli koir adalah berselerak. Beliau merujuk kepada masalah pengangkutan yang dihadapi oleh ahli-ahli koir gereja yang tinggal berselerak dan bukan tertumpu pada satu tempat.
- Mobiliti keluarga. Perubahan keahlian koir mempunyai kesan negatif kepada moral dan memutuskan kesinambungan – *“Fluctuating membership has a negative effect upon morale and breaks down continuity”*
- Keadaan pelajar sendiri yang berubah. Kebanyakan pelajar adalah terlibat dengan aktiviti-aktiviti luaran yang lain.
- Perubahan keadaan program muzik di sekolah. Mengikut Shirley, keadaan di mana ini berlaku, koir-koir di gereja yang menjadi sumber utama di mana kanak-kanak mendapat pendidikan muzik

Strategi atau pendekatan untuk mengajar apa jua pelajaran adalah sangat penting. Pelbagai cara boleh digunakan untuk membentuk satu hasil persembahan yang berkualiti. Untuk pengajaran koir pula, seorang pendidik muzik perlulah didedahkan kepada pelbagai jenis pendekatan serta pengalaman. Selain dari pendidik-pendidik muzik, pelajar ataupun ahli-ahli dalam sesebuah koir juga perlu didedahkan dengan pengetahuan serta pendedahan seperti menghadiri dan melihat persembahan koir-koir sekolah yang menghasilkan persembahan yang berkualiti.

Kajian ini bertujuan untuk menunjukkan strategi atau pendekatan-pendekatan yang boleh digunakan untuk membentuk satu kualiti koir yang baik di sekolah menengah.

1.4 PERNYATAAN MASALAH

Secara amnya, bagaimana sesuatu kumpulan koir itu dilatih adalah sangat penting bagi menentukan kualiti persembahan sesebuah koir itu. Ini banyak bergantung kepada jurulatih-jurulatih koir dari luar (yang bukan pendidik muzik) dan juga pendidik-pendidik muzik sekolah itu sendiri. Tugas melatih sesebuah koir itu mencerminkan kreativiti, pengetahuan serta pengalaman seseorang tenaga pengajar itu (Brinson, 1996).

Tahap penguasaan menyanyi yang rendah, khususnya di kalangan pelajar-pelajar yang lemah dalam nyanyian di sekolah, telah meningkatkan kebimbangan pendidik-pendidik muzik. Kelemahan ini menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran koir untuk kemahiran-kemahiran yang selanjutnya, iaitu seperti menyanyi mengikut pic, kadar tempo sesebuah lagu, dan sebagainya terganggu.

Didapati kebanyakan sekolah dan pertandingan muzik menekan dan mengaitkan persembahan sesebuah koir itu dengan kualiti persembahan. Apakah yang dimaksudkan dengan kualiti ini dan bagaimanakah pendidik muzik ini dapat membantu untuk menaikkan mutu atau kualiti sesebuah koir itu? Apakah kriteria atau ukuran yang digunakan untuk menilai kualiti sesebuah koir itu? Ini adalah antara persoalan yang perlu dikaji dan dicari penyelesaiannya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk :

1. melihat strategi yang digunakan oleh guru dalam pengajaran koir di sekolah
2. meninjau masalah yang terdapat dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) koir di sekolah serta
3. mengenal pasti faktor-faktor yang dapat meningkatkan kualiti koir

1.6 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini berusaha untuk menjawab soalan-soalan berikut :

- i) Apakah strategi yang digunakan oleh guru di sekolah dan guru luar yang diupah dalam pengajaran dan pembelajaran koir?
- ii) Apakah masalah-masalah dalam pengajaran dan pembelajaran koir di sekolah yang dihadapi oleh guru-guru?
- iii) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti sesebuah koir itu?

1.7 LIMITASI KAJIAN

Kajian ini meliputi satu skel yang kecil yang tertumpu pada dua buah sekolah menengah – satu di sekitar bandar Ipoh di mana sekolah tersebut telah menjuarai pertandingan koir antara sekolah-sekolah menengah peringkat kebangsaan beberapa tahun dahulu dan satu di sekitar bandar Batu Gajah. Lingkungan umur ahli-ahli koir adalah di antara 14-17 tahun. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan untuk semua sekolah menengah.

Faktor-faktor lain seperti umur, jantina, masa dan juga SES (status sosio ekonomi) yang mungkin memberi kesan kepada P & P tidak akan dipertimbangkan. Hasil keputusan dalam kajian ini tidak semestinya akan memberi satu keputusan yang piawai kepada keseluruhan sampel secara am. Diharap dari kajian ini, pendidik-pendidik muzik, khasnya yang mengajar kumpulan koir akan mendapat strategi yang digunakan serta mengetahui masalah-masalah yang bakal ditemui oleh mereka apabila mengajar sesebuah koir. Kajian ini bertujuan membuka minda pendidik-pendidik muzik dan yang bukan muzik sekiranya ingin mengajar sesebuah kumpulan koir di sekolah.

1.8 DEFINISI ISTILAH

Strategi

Menurut Kamus Dewan (edisi ketiga) strategi membawa maksud :

1. ilmu tentang cara-cara merancang dan melaksanakan tindak-tanduk peperangan, ilmu siasat perang;
2. muslihat untuk mencapai sesuatu maksud
3. rancangan yang teratur (yang memperhitungkan pelbagai faktor) untuk mencapai matlamat atau kejayaan.

Glenn Whitworth (dalam rev.13 March, 2004) menyatakan “*Strategy is the art of devising and employing a careful plan or process towards a goal*”.


Mengikut *Cambridge International Dictionary of English* (1995: pg.1435), strategi bermaksud, “*a detailed plan for achieving success in situations, or the skill of planning for such situations*”.

1.8.1 Koir

Menurut *Cambridge International Dictionary of English* (1995; pg.228), koir bermaksud satu kumpulan orang yang menyanyi bersama-sama (*A group of people who sing together*).

1.8.2 Pembelajaran

Pembelajaran ialah perubahan potensi tingkah laku yang lebih kurang tetap dan yang berlaku akibat latihan yang diteguhkan.¹ Secara ringkas, pembelajaran boleh juga didefinisikan sebagai proses memperolehi pengetahuan dan kemahiran apabila tingkah laku diubah dengan cara aktiviti sendiri.² Mengikut John Magee (*Philosophical Essays In Education; 1971 m.s 71*), pembelajaran dapat berlaku tanpa modifikasi atau tingkah laku.





1.8.3 Pengajaran

Pengajaran yang dimaksudkan ialah segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar. Mengikut Green (1968 : 36), tujuan mengajar ialah untuk menukar tingkah laku dan kelakuan dan juga mendapatkan pengetahuan atau kepercayaan baru.

1.8.4 Kualiti Koir

Untuk tujuan kajian ini, definisi kualiti koir yang dimaksudkan dirujuk kepada respirasi, “*phonation*”, pengeluaran ton (*resonant tone production*), sebutan (*pronunciation*), artikulasi dan ekspresi. Teknik vokal adalah asas untuk nyanyian.



¹ G.A. Kimble, *Hilgard and Marquis' Conditioning and Learning* (Englewood Cliffs, N.J.: Prentice Hall, 1961), m.s.6

² R.M. Gorman, *The Psychology Of Classroom Learning* (Columbus, Ohio: Charles E. Merrill Publishing Company, 1974), m.s.64

Teknik yang salah digunakan mengganggu pengeluaran ton yang betul dan menghadkan nyanyian. Teknik yang betul membawa kepada penghayatan muzik

(Phillips, 1992).



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun




ptbupsi

Alderson (1979) pula berpendapat bahawa kualiti bermaksud menggunakan postur yang baik, pernafasan yang betul, kualiti ton yang bermutu serta komunikasi yang berkesan.

1.9 KESIGNIFIKANAN KAJIAN

Kajian ini dapat memberi manfaat serta tunjuk ajar kepada semua pendidik muzik, khasnya mereka yang mengajar vokal dan koir kepada pelajar-pelajar di sekolah rendah, menengah, maktab-maktab serta institusi pengajian tinggi dan juga kepada mereka yang berminat dalam bidang tersebut.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Diharap dapatan kajian ini boleh digunakan oleh pihak penggubal dasar kementerian untuk menilai sama ada komponen koir harus dimasukkan dalam sukatan pelajaran dan diajar dalam bilik darjah.

Sehubungan itu, pengkaji juga berharap para pendidik muzik akan memberi perhatian dan tumpuan yang lebih serius kepada komponen koir. Justeru itu, kajian ini diharap dapat membantu mereka yang terlibat secara langsung dalam pengendalian koir.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my




Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 2



TINJAUAN LITERATUR

Singing is a learned behavior - Helen Kemp (1985, p.68)

2.1 PENGENALAN


Dalam bab ini, kita akan meninjau kajian literatur yang berkaitan. Ini akan membolehkan kita melihat apakah yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji yang lain



dalam bidang nyanyian koir.

2.2 KAJIAN MENGENAI NYANYIAN

Mengikut Van A. Christy (1990), menyanyi merupakan sifat semulajadi manusia di mana ahli antropologi sendiri mendapati bahawa terdapat nyanyian dalam semua jenis budaya sejak zaman dahulu. Misalnya, nyanyian dodoi (*lullaby*) membantu kanak-kanak mempelajari sesuatu bahasa serta membantu dalam koordinasi pergerakan. Di samping itu, menyanyi juga menyampaikan kasih sayang atau cinta yang begitu mendalam.



Sesiapa saja yang mempunyai suara bercakap yang normal dan boleh mengalunkan lagu boleh belajar menyanyi dengan baik dan menikmati menyanyi (*enjoy singing*). Christy (1990) juga berpendapat bahawa kita semua mempunyai “alat muzik”, iaitu alat vokal kita dan hanya perlu mengetahui kaedah untuk mempelajarinya sahaja.


A Cappella, merupakan sejenis cara menyanyi berkumpulan seperti koir, tetapi tanpa iringan muzik. Ini adalah satu bentuk nyanyian yang mempunyai kemahiran yang tersendiri. Terdapat satu kumpulan di Amerika iaitu The Contemporary A Cappella Society of America (CASA) yang merupakan satu organisasi (non-profit support organization) yang telah bermula pada 1991. Jane Alexander McIntosh (1999), dalam kajiannya, telah menemuramah pengkaji Robert Stebbins pada 1996. Dalam tinjauan Stebbins, beliau mendapati bahawa memenangi sesuatu pertandingan koir berbentuk A Cappella kerap kali dianggap satu pencapaian tahap nyanyian yang tinggi.

“Although many of the students I interviewed spoke very enthusiastically about competitions, there are many other things that they find equally important. Part of the reason the barbershoppers and college students may not agree on the degree of importance of competition probably has to do with performance frequency and social differences between the two genres.”

(In Harmony : A Look At The Growth of Collegiate A Cappella Groups And The Future Of The Movement, Jane McIntosh 1999)


Walaupun ramai penuntut yang ditemuramah oleh Jane menyokong mengadakan pertandingan, mereka mendapati ada banyak perkara lain yang sama penting dengan pertandingan. Apa yang mereka tidak berapa bersetuju ialah tahap

kepentingan pertandingan yang berkaitan dengan kekerapan diadakan persembahan dan perbezaan sosial di antara kedua-dua genre.




2.3 KAJIAN TERHADAP TEKNIK PERNAFASAN VOKAL

Dari hasil kajian dan metodologi Phillips (1983; cf. Aaron, 1990), beliau mengaplikasikan koordinasi arahan vokal terhadap peningkatan nyanyian pelajar. Nyanyian merupakan satu kemahiran psikomotor. Oleh itu, untuk menghasilkan sesuatu bunyi secara psikologi, ia haruslah dihasilkan secara vokal dahulu. Proses motor ini melibatkan koordinasi pita suara, nafas, alat-alat resonator (terutamanya tekak dan mulut) serta alat-alat artikulasi iaitu lidah, gigi, rahang dan bibir. Kebanyakan ahli pedagogi berpendapat bahawa teknik pernafasan yang betul adalah asas untuk nyanyian selain dari postur nyanyian. Apa yang lebih penting ialah teknik pernafasan. Alderson (1979) juga berpendapat bahawa pernafasan adalah asas membentuk nyanyian. Pernafasan yang baik dan betul adalah asas untuk semua nyanyian yang baik. Beliau juga mengatakan bahawa tanpa respirasi, elemen-elemen untuk nyanyian yang lain tidak akan berfungsi.



Sehubungan itu, Gackle (1987) telah memeriksa kesan teknik vokal yang dipilih serta telah melatih untuk memperbaiki penghasilan ton pelajar perempuan di sekolah. Hasil kajian beliau telah menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang menerima latihan vokal dalam kemahiran pengurusan pernafasan (breath management skills) menyanyi dalam pic yang lebih tepat. Dengan adanya pernafasan yang baik dan betul, ini dapat menghasilkan nyanyian yang baik.



2.4 KAJIAN TERHADAP KETIDAKTEPATAN NYANYIAN

Terdapat beberapa istilah yang digunakan untuk melabelkan pelajar yang menyanyi pada pic yang tidak tepat – penyanyi yang kurang pasti, monoton, keluar dari pic, tidak boleh menyanyi, penyanyi pic lemah, dan sebagainya (Aaron,1990). Istilah sumbang mungkin merupakan istilah yang paling tepat yang boleh digunakan.


Kekerapan nyanyian sumbang yang terdapat di kalangan kanak-kanak berbeza mengikut kriteria dan tahap gred yang digunakan untuk mengukur perbezaan pic. A. Oren Gould (1968), dalam kajiannya melaporkan bahawa 18% kanak-kanak di sekolah Amerika yang menyanyi dengan sumbang. Keputusan dari “National Assessment of Educational Progress” untuk tahun-tahun 1971-1972 telah menunjukkan bahawa 50% kanak-kanak dalam lingkungan umur 9 tahun, 45% kanak-kanak yang berumur 13 tahun, 35 % yang berumur 17 tahun dan 30% orang dewasa tidak boleh menyanyi lagu “America” dengan pic yang tepat. Walau apapun rangka atau statistik yang didapati, masalah ketidaktepatan pic merupakan masalah yang besar dalam pendidikan muzik.

2.4.1 Punca Berlakunya Ketidaktepatan Nyanyian

Mengikut Aaron (1990 : 6-7), punca ketidaktepatan nyanyian boleh dibahagikan kepada 5 kategori :

- ➡ Persekitaran, atau kurang pendedahan terhadap muzik
- ➡ Organik, termasuk pembantutan kematangan, fizikal dan penyakit

❖ Psikologi, seperti diskriminasi pic yang lemah, ingatan pic yang lemah serta kurang keyakinan



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

❖ Kawalan vokal yang lemah disebabkan sokongan pernafasan lemah dan

❖ Kekurangan penyedaran kinestetik dalam mekanisma vokal, ketidakbolehan mengubah suara ke laras atas (*upper register*) dan ketegangan (*straining*).

Kirkpatrick (1962) telah menunjukkan perkaitan yang kuat antara kebolehan menyanyi kanak-kanak tadika dan persekitaran muzikal mereka di rumah sendiri. Apa yang dimaksudkan di sini ialah persekitaran yang baik mempunyai pengaruh yang kuat terhadap penghasilan nyanyian yang baik, sebaliknya sesuatu persekitaran yang tidak begitu sihat akan menghasilkan nyanyian yang tidak begitu baik. Satu lagi kajian oleh Shelton (1966) telah mendapati bahawa kanak-kanak yang dianggap “bermusikal” mempunyai lebih peluang untuk mendengar dan melibatkan diri mereka dalam nyanyian di rumah.

2.4.2 Kaedah Pemulihan (*Remedial Method*) Untuk Ketidaktepatan Nyanyian

Bantuan pemulihan untuk membantu nyanyian dengan lebih tepat adalah satu bahagian proses psikomotor yang terdapat dalam kebanyakan teks dalam kaedah asas muzik. Teknik-teknik ini digolongkan dalam tiga kategori :

❖ Persepsi pic

❖ Latih tubi tambahan dalam latihan dan lagu dan

❖ Arahan dalam teknik vokal



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pic adalah hasil dari dua pergerakan fizikal – getaran (vibration) pita suara dan aliran ruang udara yang ditekan. Sekiranya terdapat masalah koordinasi motor dalam mana-mana bahagian ini, ketepatan pic akan berlaku (Phillips 1992).

Kajian yang dijalankan oleh Jones (1979) untuk membantu mereka yang menyanyi sumbang menggunakan persembahan dalam susunan pic (*order of the pitches*) untuk dipadankan bagi penyanyi yang menghadapi masalah ini. Corak ton (*tone patterns*) yang mudah dan pendek dalam nada yang berlainan untuk latihan menunjukkan hasil yang lebih baik untuk padanan ton (*tone matching*) yang berasingan. Selain itu, penyanyi yang mempunyai masalah dalam ketepatan pic ini dapat memadankan corak dan dapat membezakan pic tinggi dari pic rendah dalam satu oktaf. Corak yang menurun adalah lebih senang dipadankan dengan yang menaik.

Bertaux (1989: 96-97) dalam kajiannya terhadap persepsi pic dan ketepatan menyanyi (*singing accuracy*) telah melibatkan pelajar-pelajar sendiri dalam menganalisa respon mereka sendiri, iaitu nyanyian mereka dan apakah yang perlu dilakukan membaiki nyanyian tersebut. Dalam pendekatan ini, guru bertugas sebagai fasilitator untuk mendengar pic yang sepatutnya dihasilkan oleh pelajar serta melihat respon fizikal dan memberi cadangan alternatif. Selepas ini dijalankan, guru menggalakkan perbincangan tentang apa yang telah dirasai oleh pelajar dengan mencadangkan apa yang sepatutnya telah dirasai. Perbincangan ini adalah berpanduan kepada pengalaman dan kesimpulannya, tiada jawapan yang muktamad.

Terdapat banyak kajian yang menyokong arahan menyanyi dalam kordinasi vocal (*vocal-coordination instruction*), iaitu satu proses pembelajaran psikomotor (*the motor process of psychomotor learning*). Proses motor ini melibatkan koordinasi pita

Pic adalah hasil dari dua pergerakan fizikal – getaran (vibration) pita suara dan aliran ruang udara yang ditekan. Sekiranya terdapat masalah koordinasi motor dalam mana-mana bahagian ini, ketepatan pic akan berlaku (Phillips 1992).

Kajian yang dijalankan oleh Jones (1979) untuk membantu mereka yang menyanyi sumbang menggunakan persembahan dalam susunan pic (*order of the pitches*) untuk dipadankan bagi penyanyi yang menghadapi masalah ini. Corak ton (*tone patterns*) yang mudah dan pendek dalam nada yang berlainan untuk latihan menunjukkan hasil yang lebih baik untuk padanan ton (*tone matching*) yang berasingan. Selain itu, penyanyi yang mempunyai masalah dalam ketepatan pic ini dapat memadankan corak dan dapat membezakan pic tinggi dari pic rendah dalam satu oktaf. Corak yang menurun adalah lebih senang dipadankan dengan yang menaik.

Bertaux (1989: 96-97) dalam kajiannya terhadap persepsi pic dan ketepatan menyanyi (*singing accuracy*) telah melibatkan pelajar-pelajar sendiri dalam menganalisa respon mereka sendiri, iaitu nyanyian mereka dan apakah yang perlu dilakukan membaiki nyanyian tersebut. Dalam pendekatan ini, guru bertugas sebagai fasilitator untuk mendengar pic yang sepatutnya dihasilkan oleh pelajar serta melihat respon fizikal dan memberi cadangan alternatif. Selepas ini dijalankan, guru menggalakkan perbincangan tentang apa yang telah dirasakan oleh pelajar dengan mencadangkan apa yang sepatutnya telah dirasakan. Perbincangan ini adalah berpandukan kepada pengalaman dan kesimpulannya, tiada jawapan yang muktamad.

Terdapat banyak kajian yang menyokong arahan menyanyi dalam kordinasi vocal (*vocal-coordination instruction*), iaitu satu proses pembelajaran psikomotor (*the motor process of psychomotor learning*). Proses motor ini melibatkan koordinasi pita